

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SERI ABDUL HADI AWANG
[MARANG]**

TARIKH : 10 JUN 2014

SOALAN :

Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan akan mempertimbangkan penubuhan Suruhanjaya Diraja atau mengeluarkan Kertas Putih berkaitan isu pencerobohan di Lahad Datu, Sabah pada bulan Februari dan Mac tahun 2013 yang lalu.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan Suruhanjaya Diraja atau mengeluarkan Kertas Putih berkaitan isu pencerobohan di Lahad Datu yang berlaku pada Tahun 2013 yang lalu.

Keutamaan Kerajaan kini adalah untuk mengukuhkan keselamatan, ketenteraman awam dan kesejahteraan di kawasan Sabah Timur. Dalam hubungan ini, Kerajaan telah mewujudkan *Eastern Sabah Security Command* (ESSCOM) di Zon Selamat Sabah Timur atau *Eastern Sabah Safety Zone* (ESSZONE) yang merangkumi sepuluh daerah, iaitu Kudat, Kota Marudu, Pitas, Beluran, Sandakan, Kinabatangan, Lahad Datu, Kunak, Semporna dan Tawau. Matlamat utama penubuhan ESSCOM adalah untuk mempertahankan negara dari pencerobohan luar serta mewujudkan kestabilan dan memperkukuhkan kawalan keselamatan di kawasan timur Sabah dengan menempatkan aset-aset pasukan keselamatan seperti Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) di kawasan berkenaan.

Sekian. Terima kasih.